



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

TIADA RUANG UNTUK GANGGUAN SEKSUAL, MANGSA PERLU BERANI BERTINDAK

KOTA KINABALU, 25 SEPTEMBER 2023 – Gangguan seksual merupakan perbuatan jenayah yang boleh membawa kepada masalah yang lebih berat dan serius seperti jenayah rogol sekiranya ianya dibiarkan berlarutan. Seseorang pelaku mungkin menganggap perbuatan mereka terhadap mangsa adalah normal dan boleh diterima oleh mangsa. Tindakan menormalisasikan perbuatan seksual ini tidak seharusnya berlaku dalam kalangan masyarakat. Mangsa perlu berani tampil membuat aduan agar perbuatan jenayah ini dapat dibendung daripada terus menular.

Hari ini Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) meneruskan siri Jerayawara KASIH KPWKM @Advokasi Antigangguan Seksual. YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah merasmikan siri jerayawara yang kesembilan (9) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sabah (SICC).

Program Jerayawara KASIH KPWKM @Advokasi Antigangguan Seksual ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan, pengetahuan serta menyebarkan pemakaian garis panduan dan notis antigangguan seksual kepada masyarakat. Pelbagai program bermanfaat berkaitan antigangguan seksual telah disusun sepanjang jerayawara ini seperti advokasi antigangguan seksual, taklimat pengendalian kes kesalahan seksual terhadap wanita dan kanak-kanak oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM), taklimat pengendalian kes gangguan seksual di tempat kerja oleh Jabatan Tenaga Kerja Sabah serta

taklimat mengenai kesan gangguan seksual kepada kesihatan mental mangsa oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Statistik PDRM pada tahun 2022 melaporkan terdapat 36 kes gangguan seksual di negeri Sabah dan daripada jumlah tersebut sebanyak 27 kes melibatkan gangguan seksual terhadap kaum wanita. Sebanyak 477 kes dilaporkan di seluruh negara dengan 90 peratus melibatkan mangsa dalam kalangan kaum wanita.

Pelaksanaan jerayawara ini turut melibatkan kerjasama daripada rakan strategik KPWKM iaitu Jabatan Tenaga Kerja Negeri Sabah, Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, PDRM, Jabatan Hal Ehwal Wanita Negeri Sabah, Jabatan Bantuan Guaman, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Kraftangan Cawangan Negeri Sabah, NESTLE dan lain-lain lagi. Jerayawara ini turut memberi peluang perniagaan kepada usahawan-usahawan Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Yayasan Kebajikan Negara (YKN) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Program hari ini turut dihadiri oleh YB Hajah Aiman Athirah binti Sabu, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YBhg. Datuk Dr. Maziah Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWKM dan pegawai-pegawai kanan Kementerian.

####

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
25 SEPT 2023**